

# Pelajar SG cemerlang di pertandingan dunia

PELAJAR Singapura terus menunjukkan prestasi baik dalam pertandingan antarabangsa meskipun di tengah-tengah penularan Covid-19, yang memuramkan keadaan.

Pertandingan itu telah diubah untuk membolehkan negara menyertainya secara dalam talian, kata Kementerian Pendidikan (MOE) semalam.

Namun Olimpik Biologi Antarabangsa tahun ini dibatalkan dan diganti dengan edisi cabaran khas yang dijalankan dari jarak jauh, lapor *The Straits Times*.

Pasukan Singapura memenangi satu pingat emas dan tiga pingat perak bagi cabaran yang diadakan pada 11 hingga 12 Ogos itu.

Pelajar dikehendaki melakukan satu rangkaian pelbagai tugas kompleks, seperti menyusun semula dan melukis bentuk struktur berdasarkan beberapa gambar.

Singapura mendapat kedudukan kelima antara 186 peserta dari 47 negara/wilayah.

Pada Olimpik Kimia Antarabangsa ke-52 pada 25 Julai, Singapura meraih tiga pingat emas dan satu pingat perak.

Dalam pertandingan itu, pelajar melakukan pelbagai tugas secara teori, seperti mengasingkan sebatian organik daripada pokok kucing galak.

Singapura menduduki tempat ketiga bersama dalam kalangan 231 peserta dari 60 negara dan wilayah.

Baru-baru ini, pasukan Singapura memenangi empat pingat perak dan dua pingat gangsa di Olimpik Matematik Antarabangsa ke-61, yang diadakan dari 19 hingga 28 September.

Pelajar ditugaskan menyelesaikan enam masalah mencabar, termasuk satu yang mendapat inspirasi daripada lang-



**JALANKAN PERTANDINGAN ANTARABANGSA DENGAN SELAMAT:**  
Menteri Pendidikan Lawrence Wong memuji NUS bagi perancangan dan pengurusan teliti untuk menjalankan Olimpik Informatik Antarabangsa ke-32 dengan selamat. – Foto LAWRENCE WONG/FACEBOOK

kah-langkah jarak sosial semasa yang dilaksana di seluruh dunia.

Singapura menduduki tempat ke-16 daripada 105 negara dan wilayah dan 616 peserta.

Sementara itu, pada Olimpik Informatik Antarabangsa ke-32 anjuran Universiti Nasional Singapura (NUS) dari 13 hingga 19 September, pasukan Singapura meraih tiga pingat perak dan satu pingat gangsa.

Sebagai negara hos, Singapura juga menyertakan pasukan kedua, yang mendapat satu lagi pingat perak dan dua lagi pingat gangsa.

Semasa pertandingan itu, pelajar menyelesaikan masalah komputasi yang menguji kemampuan mereka merancang dan melaksana algoritma dan struktur data cekap.

Berdasarkan keputusan pasukan pertama, Singapura menduduki tempat ke-19 bersama daripada 343 peserta dan 87 negara dan wilayah.

Singapura juga dijemput menyertai pertandingan Ahli Fizik Muda New Zealand pada 10 hingga 12 Julai dan muncul sebagai pemenang.

Dalam pertandingan itu, pelajar menyampaikan penyelidikan mereka me-

ngenai masalah berkaitan fenomena harian, dan terlibat dalam perbincangan serta huraian balas oleh pasukan lawan.

Dalam satu pos Facebook, Menteri Pendidikan Lawrence Wong memuji para pemenang Singapura.

“Saya berharap pencapaian ini dapat memberi inspirasi kepada semua pelajar kita untuk terus berusaha dan berhasrat mencapai kecemerlangan dalam mempelajari apa yang mereka cintai,” katanya.

Beliau juga memuji NUS bagi perancangan dan pengurusan teliti untuk menjalankan Olimpik Informatik Antarabangsa dengan selamat.